



## **BAB 27: IMAM AL-GHAZALI RAHIMAHULLAH**



### **Imam Al-Ghazali dan Hasil Karyanya**

Abu Hamad Muhammad bin Muhammad bin Ahmad Al-Ghazali At-Tusi dilahirkan pada tahun 1058M di Tus, Khurasan adalah seorang filsuf dan teologi Muslim Persia (Iran) yang dikenal sebagai *Algazel* di dunia Barat pada abad pertengahan.



\* *Imam Al-Ghazali*

### **Riwayat Hidup**


Imam al-Ghazali dilahirkan pada tahun 450 Hijrah bersamaan dengan tahun 1058 Masihi di bandar Tus, Khurasan (Iran). Beliau digelar Abu Hamad kerana salah seorang anaknya bernama Hamad. Gelaran beliau *Al-Ghazali At-Thusi* adalah berkaitan dengan gelaran ayahnya yang bekerja sebagai pemintal bulu kambing dan tempat kelahirannya iaitu Ghazalah di Bandar Thus, Khurasan. Manakala gelaran *Asy-Syafie* pula menunjukkan bahawa beliau bermazhab Syafie.

Imam Al-Ghazali berasal dari keluarga yang miskin. Ayahnya mempunyai cita-cita yang tinggi iaitu menginginkan anaknya menjadi seorang yang alim dan soleh. Imam Al-Ghazali adalah seorang ulama, ahli fikir, dan ahli falsafah Islam yang terkemuka yang banyak memberi sumbangan bagi perkembangan kemajuan manusia. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Naib Kanselor di Madrasah Nizamiyah, pusat pengajian tinggi di Baghdad. Imam Al-Ghazali meninggal dunia pada 4 Jamadil Akhir tahun 505 Hijrah bersamaan dengan tahun 1111 Masihi di Tus. Jenazahnya selamat dikebumikan di tempat kelahirannya.

Imam Al-Ghazali terkenal sebagai ahli falsafah Islam yang telah mengharumkan nama ulama di Eropah melalui hasil karyanya yang amat bermutu tinggi.

**HASIL KARYA IMAM AL-GHAZALI**

Bidang	Hasil
<b>Teologi</b>	<p><i>o Al-Munqidh min adh-Dhalal o Ar-Risalah al-Qudsiyyah</i></p> <p><i>o Al-Iqtishad fi al-Iktiqad o Kitab al-Arba'in fi Ushul ad-Din</i></p> <p><i>o Mizan al-Amal o Ad-Durrah al-Fakhirah fi Kasyf Ulum al-Akhirah</i></p>
<b>Tasawuf</b>	<p><i>o Ihya Ulumddin (Kebangkitan Ilmu-ilmu Agama)</i></p> <p><i>o Kimia As-Sa'adah (Kimia Kebahagiaan)</i></p> <p><i>o Misykah Al-Anwar (The Niche of Lights)</i></p>
<b>Falsafah</b>	<p><i>o Maqasid Al-Falasifah</i></p> <p><i>o Tahafut al-Falasifah (Buku ini membahaskan kelemahan-kelemahan para filosof pada masa itu, yang kemudiannya ditanggapi oleh Ibnu Rusyd dalam buku Tahafut al-Tahafut (The Incoherence of The Incoherence))</i></p>
<b>Fikah</b>	<p><i>o Al-Mushtasfa min 'Ilm al-Ushul</i></p>
<b>Logika</b>	<p><i>o Mi'yar al-Ilm (The Standard Measure of Knowledge)</i></p> <p><i>o Al-Qistas al-Mustaqim (The Just Balance)</i></p> <p><i>o Mihakk al-Nazar fi al-Manthiq (The Touchstone of Proof in Logic)</i></p>



\* *Ihya Ulumuddin*



\* *Makam Al-Ghazali di Baghdad*